

Malaysia pegang janji, komited pulihara alam sekitar

New York: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia komited terhadap pemuliharaan alam sekitar secara serius.

Perdana Menteri berkata, Malaysia turut berbangga kerana menyertai senarai penuh perjanjian global mengenai pemuliharaan berkenaan yang turut membabitkan hidupan liar dan perhutanan.

Beliau berkata, negara turut melihat perjanjian alam sekitar pelbagai hala sebagai bahagian utama formula keseimbangan dari segi tanggungjawab terhadap planet ini dan penduduknya bagi menjamin hak mereka terhadap makanan, pakaian serta tempat tinggal.

Malaysia juga, katanya, memegang janji berkaitan pemuliharaan alam sekitar, termasuk yang dibuat pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada 1992 yang mana ia komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus tanah besar dilitupi hutan.

"Hari ini, hampir tiga dekad kemudian, saya bangga mengemukakan kita tidak mengingkari ikrar itu. Sebanyak 55.3 peratus atau 18.3 juta hektar daripada bu-

*"Sebanyak
55.3 peratus atau
18.3 juta hektar bumi
Malaysia diliputi
hutan, melebihi
komitmen awal
kami pada Sidang
Kemuncak Bumi di Rio.*

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

mi Malaysia diliputi hutan, melebihi komitmen awal kami pada Sidang Kemuncak Bumi di Rio.

"Ini mewakili kehendak dan komitmen negara untuk memulihara dan menguruskan hutan kami, flora dan faunanya," katanya pada program 'Pengawasan Persekitaran dalam Menangani Kemiskinan bagi Mencapai Pembangunan Lestari untuk Semua', di sini.

Pada acara sampingan sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu, Dr Mahathir bagaimanapun mengakui Malaysia masih berdepan cabaran daripada keperluan pembangunan sosioekonomi yang semakin meningkat.

Katanya, mengekalkan hutan dan menjadikan tanah pertanian sedia ada lebih produktif dalam usaha memenuhi permintaan yang semakin meningkat, tidak akan dapat dicapai tanpa dasar pragmatik, progresif serta pembangunan mampan.

"Walaupun Malaysia sudah melaksanakan pelbagai usaha mencegah kehilangan alam sekitar, negara masih berdepan cabaran daripada keperluan pembangunan sosioekonomi yang semakin meningkat.

"Pertambahan penduduk Malaysia membawa kepada peningkatan keperluan makanan, air dan infrastruktur lain yang memberi tekanan kepada sumber serta alam semula jadi kami," katanya.

Dr Mahathir turut mengetengahkan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), iaitu sumber yang banyak diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai tindakan untuk menangani perubahan iklim serta mempertingkatkan usaha pemuliharaan dan pemulihan.

BERNAMA